



(Media vatican)

Ciptaan Tuhan bukan sumber daya untuk **PERANG**

TAKHTA SUCI: Dalam Pesan untuk Hari Doa Sedunia ke-10 untuk Penjagaan Penciptaan, Sri Paus Leo XIV banyak memetik petikan dari ensiklik *Laudato si'* karangan mendiang Sri Paus Fransiskus, mengecam ketidakadilan alam sekitar dan sosial serta menegaskan bahawa ciptaan Tuhan tidak dimaksudkan untuk menjadi medan perang bagi sumber daya penting.

Ketika Gereja bersiap untuk memperingati Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Penciptaan yang Kesepuluh pada September 1, 2025, Sri Paus Leo XIV menyediakan pesan untuk hari doa tersebut bagi mendesak umat Kristian dan semua orang yang mempunyai niat baik untuk mengakui keperluan mendesak bagi keadilan alam sekitar dan sosial di dunia yang semakin tercemar oleh perubahan iklim, konflik dan ketidakadilan.

Bertajuk "Benih Keamanan dan Harapan" (*Seeds of Peace*) yang dikeluarkan pada Julai 2, pesan Sri Paus Leo adalah selaras dengan semangat Tahun Jubli yang sedang berlangsung, menyeru umat beriman untuk men-

erima peranan mereka sebagai "penziarah harapan" dan penjaga ciptaan Tuhan.

Keadilan di dunia yang terluka

Menggemakan kata-kata nabi Yesaya, Sri Paus Leo mengajak komuniti global untuk membayangkan transformasi "padang pasir yang kering dan gersang" agar menjadi "ladang yang subur."

Visi alkitabiah ini, jelasnya, bukanlah sekadar metafora puitis tetapi panggilan mendesak untuk bertindak berhadapan dengan krisis ekologi dan kemanusiaan yang membimbangkan.

Mengambil petikan secara meluas daripada ensiklik *Laudato si'* oleh Sri Paus Fransiskus, di mana ensiklik ini menyambut ulang tahunnya yang ke-10, prelatus itu menulis, "Ketidakadilan, pelanggaran undang-undang antarabangsa dan hak-hak rakyat, ketidakadilan yang teruk dan ketamakan yang memacu mereka yang menggerakkan aktiviti penebangan hutan, pencemaran dan alam kehilangan biodiversiti."

Mengaitkan pemusnahan alam sekitar dengan eksploitasi golongan miskin dan terpinggir, Bapa Suci Leo menekankan penderitaan yang tidak seimbang bagi komuniti pribumi dan jurang yang semakin melebar antara kaya dan miskin sebagai tanda-tanda sistem yang memperlakukan alam sebagai komoditi dan bukannya rumah bersama.

Alam sebagai medan perang

Sri Paus Leo XIV meratapi hakikat bahawa alam semula jadi itu sendiri telah menjadi "alat tawar-menawar," tertakluk kepada dasar dan amalan yang mengutamakan keuntungan berbanding manusia dan planet.

Dari tanah pertanian yang dipenuhi dengan ranjau darat hingga konflik mengenai air dan bahan mentah, Bapa Suci Leo melukiskan gambaran yang menyedihkan tentang ciptaan yang "menjadi medan perang" untuk kawalan dan dominasi.

Luka-luka ini, katanya, adalah "kesan dosa, pengkhianatan terhadap perintah alkitabiah untuk tidak mendominasi ciptaan" tetapi untuk "mengusahakan dan memeliharanya," satu panggilan untuk mengusahakan dan memelihara bumi melalui hubungan penjagaan dan tanggungjawab.

Keadilan alam sekitar sebagai kewajipan moral

Pesan Sri Paus menegaskan semula komitmen Gereja terhadap "ekologi integral," satu konsep yang menjadi teras *Laudato si'*.

"Keadilan alam sekitar, tegas Bapa Suci, bukanlah satu kebimbangan yang abstrak atau sekunder tetapi satu "tugas yang lahir dari iman."

"Untuk orang yang beriman," tulisnya, "alam semesta mencerminkan wajah Yesus Kristus, di mana segala sesuatu diciptakan

dan ditebus."

Dalam konteks ini, menjaga planet bukan sahaja menjadi keperluan ekologi tetapi juga satu panggilan spiritual dan moral yang mendalam.

Benih yang berbuah

Mengalakkan tindakan konkrit, Sri Paus Leo menyeru ketekunan dan kasih sayang dalam menabur "benih keadilan" yang akan, pada waktunya, menghasilkan buah keamanan. Beliau menyebut projek *Borgo Laudato Si'* di *Castel Gandolfo* sebagai contoh nyata bagaimana pendidikan dan kehidupan komuniti yang berakar pada nilai-nilai ekologi dapat membentuk masa depan yang adil dan penuh harapan.

"Ini mungkin mengambil masa bertahun-tahun," akui Sri Paus, "tetapi bertahun-tahun yang melibatkan keseluruhan ekosistem yang terdiri daripada kesinambungan, kesetiaan, kerjasama dan kasih sayang."

Satu berkat untuk masa depan

Mengakhiri pesannya dengan doa untuk curahan Roh Tuhan, Paus Leo XIV menyeru harapan Kristus yang bangkit sebagai cahaya penunjuk arah bagi dunia yang merindukan penyembuhan.

"Semoga *Laudato si'* terus menginspirasi kita," tulisnya, "dan semoga ekologi integral semakin diterima sebagai jalan yang tepat untuk diikuti." **Media Vatikan**

Tuhan pandai berlawak?

Adakah Tuhan mempunyai rasa humor?

Ini mungkin kelihatan seperti soalan yang remeh atau tidak sopan, tetapi ia bukan begitu.

Ia adalah soalan yang penting dan juga penuh hormat. Mengapa? Kerana humor yang sihat dan gurauan senda membantu membawa kegembiraan, keringanan hati dan perspektif yang sihat ke dalam hidup kita. Bolehkah kita membayangkan semua keceriaan hati yang indah itu tidak mempunyai hubungan dengan Tuhan?

Adakah Tuhan mempunyai rasa humor? Sudah tentu! Pasti! Yesus mengajar bahawa Tuhan adalah pengarang segala perkara baik. Humor, permainan dan gurauan yang sihat adalah perkara yang baik dan sihat. Humor juga berasal daripada Tuhan.

Mengapa humor dan gurau senda sihat adalah perkara yang baik? Apakah peranan positif yang ia mainkan dalam hidup kita?

Freud pernah menyatakan bahawa kadang-kadang kita boleh memahami sesuatu dengan lebih jelas dengan melihat kebalikannya.

Apakah lawan bagi humor, keseronokan, dan gurauan? Antonim bagi ketiga-tiga kata itu ialah: terlalu serius, kerengsaan yang tidak perlu, dan kesombongan (yang mana semuanya tidak sihat).

Pertimbangkan contoh ini: Saya telah hidup hampir sepanjang hayat dewasa saya dalam komuniti religius lelaki, dan secara keseluruhannya ia adalah positif dan memberi kehidupan.

Tetapi dalam kalangan (secara harfiah) ratusan lelaki di mana saya tinggal bersama mereka sebagai komuniti selama lebih daripada lima puluh tahun, kadang-kadang terdapat pertemuan yang terlalu serius dan kehadiran mereka di bilik komuniti atau di meja makan kadang-kadang boleh merampas kegembiraan di ruang tersebut.

Saya teringat satu insiden di meja di mana seseorang berkongsi jenaka yang

agak lucu (pedas, walaupun tidak keterlaluan). Kebanyakan daripada kami menjawab dengan ketawa yang kuat, tetapi sebaik sahaja ketawa itu reda, salah seorang rakan kami dengan nada berat dan terlalu suci, bertanya: Adakah anda akan menceritakan jenaka seperti itu di hadapan Sakramen Terberkati?

Pertanyaan itu bukan sahaja menghentikan ketawa kami malah ia telah menjadikan ruang itu kekok, kesal dan dingin.

Keseriusan yang berlebihan, boleh membuat suasana keluarga dan komuniti terasa dingin, kaku dan tidak menggembirakan.

Sebaliknya, sifat suka bermain, humor, dan gurau senda yang sihat boleh memberikan “minyak pelincir” yang penting untuk kehidupan keluarga dan komuniti.

Sebagai contoh, apabila anda menyertai sebuah kongregasi religius, anda mengambil kaul untuk hidup dalam sebuah komuniti (dalam kes saya, komuniti religius lelaki) sepanjang hayat anda.

Tambahan pula, anda tidak dapat memilih dengan siapa anda akan tinggal. Anda hanya ditugaskan ke sebuah komuniti, yang pasti akan termasuk beberapa ahli yang mempunyai temperamen yang sangat berbeza daripada anda.

Saya telah tinggal dalam jenis komuniti religius ini selama hampir enam puluh tahun dan, dengan sangat sedikit pengecualian, ia telah memberi kehidupan dan menyenangkan; terutamanya kerana selalu dirahmati kerana dapat tinggal dalam komuniti di mana sebahagian daripada ethos kami adalah pertukaran harian humor, keseronokan, dan gurauan.

Doa dan misi bersama tentunya telah menjadi penyatu hebat kami tetapi humor, keseronokan dan gurauan telah menjadi “pelincir”, menjaga ketegangan menjadi besar dan menjauhkan kami dari keangkuhan.

Menarik untuk diperhatikan bahawa para ahli falsafah Yunani klasik memahami cinta sebagai mempunyai enam komponen: *Eros* – ketertarikan dan tarikan; *Mania* – obsesi; *Asteismos* – keseronokan dan gurauan; *Storge* – penjagaan; *Philia* – persahabatan; dan *Agape* – altruisme.

Apabila kita mendefinisikan cinta, kita biasanya memberi ruang untuk kebanyakan komponen tersebut, kecuali *Asteismos*, keseronokan dan gurauan. Kita membayar harga untuk itu.

Guru novis Oblat saya, seorang paderi Perancis-Kanada yang hebat, pernah berkongsi dengan kami (sekumpulan novis muda) sebuah jenaka dengan tujuan. Ia berbunyi begini: sebuah keluarga merancang perkahwinan anak perempuan mereka tetapi tidak mampu untuk menyewa tempat bagi majlis selepas upacara Gereja.

Jadi, paderi itu membuat mereka tawaran: “Mengapa tidak menggunakan pintu masuk, *foyer*, Gereja?” Ada cukup ruang untuk majlis resepsi. Bawa masuk kek dan adakan majlis resepsi di situ.

Semua berjalan lancar, sehingga bapa pengantin perempuan bertanya kepada paderi sama ada mereka boleh membawa minuman keras ke majlis resepsi.

Paderi itu menjawab dengan tegas, “Sama sekali tidak!” Anda tidak boleh membawa minuman keras ke dalam Gereja! Bapa pengantin perempuan membantah, “tetapi Yesus minum wain di perjamuan perkahwinan di Kana.”

Kepada yang mana paderi menjawab, “Tetapi bukan di hadapan Sakramen Mahakudus!”

Lawak ini boleh berfungsi sebagai perumpamaan, memberi amaran kepada kita yang menenggelamkan sifat humor dan keseronokan Tuhan.

Tuhan mempunyai rasa humor, rasa suka bermain dan bakat untuk berjenaka yang jauh melebihi pelawak terbaik kita. Bagaimana mungkin sebaliknya?

Bolehkah anda bayangkan menghabiskan keabadian di syurga tanpa ketawa dan keceriaan?

Bolehkah anda membayangkan Tuhan yang merupakan cinta sempurna, tetapi anda takut untuk bergurau dan bersenda dengan-Nya?

Adakah ketawa terakhir sebelum kita mati akan menjadi ketawa terakhir kita selamanya? Tidak. Tuhan mempunyai rasa humor yang tanpa ragu akan menjadi kejutan yang menggembirakan bagi kita semua. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025@Fr Ron Rolheiser**



Siapa saudara ku?

Dalam Injil Lukas, Yesus menjawab pertanyaan seorang ahli Taurat (pada zaman kita: Doktor Hukum) tentang sesama dengan suatu perumpamaan tentang seorang Samaria yang baik hati.

Dalam masyarakat Yahudi waktu itu ada perbezaan pendapat tentang siapakah sebenarnya dapat disebut sesama sebagai warga Israel.

Pada umumnya yang dianggap termasuk kategori “sesama” ialah warga Yahudi satu tanah air atau warga negara lain namun sudah menjadi warga Yahudi.

Tetapi bagi Yesus kategori “sesama” bersifat universal, bukan khusus atau bersyarat. Pandangan tentang sesama bukan dilihat dari segi hubungan keluarga, etnik, suku, agama tetapi dari segi kemanusiaan.

Oleh sebab itu, musuh atau lawan kita pun adalah sesama kita juga! Tetapi dalam kenyataannya orang-orang Yahudi “tidak bergaul dengan orang Samaria (Yoh 4:9)”. Orang Samaria adalah penduduk pendatang, bukan orang Yahudi.

Dalam perumpamaan itu Yesus mengajar kepada kita bahawa kasih kita kepada sesama harus bukan hanya universal tetapi harus nyata dihayati secara konkrit.

Bagaimana perilaku orang Samaria

dalam perumpamaan itu? Seandainya dia acuh tak acuh dan lalu begitu sahaja, bukannya sikapnya itu sangat memalukan?

Tetapi sikap orang Samaria itu tidak begitu, bahkan orang Samaria itu menolong dan berusaha menyelamatkan si mangsa, membawanya ke tempat di mana mangsa dapat dilayani serta dirawat. Bahkan dia bersedia membayar lanjut sewa bilik penginapan jika si mangsa memerlukan masa untuk pulih.

Pelajaran baharu apa yang disampaikan oleh Yesus kepada kita dalam perumpamaan ini? Pelajaran baharu ini bukan hanya bererti kita harus melaksanakan kasih universal secara nyata tetapi ada kelebihannya.

Pelajaran Yesus yang baharu itu diungkapkan-Nya dengan sebuah pertanyaan kepada ahli Taurat, “Menurut pendapatmu siapakah di antara ketiga-tiga orang ini (iaitu seorang imam, seorang Lewi dan seorang Samaria) bersifat kemanusiaan terhadap orang yang dipukul dan dirompak oleh penyamun?”

Ternyata Yesus menyampaikan kepada kita suatu pandangan baharu tentang sesama iaitu jangan menunggu dahulu untuk melakukan kebaikan.

Kita harus selalu siap mengenal atau

mencari “sesama” kita itu! Kita semua terpanggil menjadi sesama dan berbuat baik bagi sesama. Bukan hanya menunggu! Bukan bersikap acuh tak acuh terhadap sesama.

Masalah yang diajukan ahli Taurat itu oleh Yesus diterbalikkan! Suatu masalah yang abstrak dan ibaratnya terlalu akademik telah diubah oleh Yesus menjadi suatu masalah yang hidup dan konkrit.

Oleh sebab itu, pertanyaan yang harus kita jawab bukannya “Siapakah sesamaku”, melainkan “Pada masa sekarang dan di tempat ini, siapa saudara dan saudariku?”

Dalam bukunya yang berjudul “Yesus dari Nazaret”, Sri Paus Emeritus Benediktus XVI menggambarkan Benua Afrika sebagai seorang yang menderita, yang dirompak, dilukai dan dibiarkan menderita di tepi jalan.

Penduduk Afrika memandang bangsa-bangsa di Benua Utara (Eropah dan Amerika) yang penuh kekayaan, namun kedua-dua negara itu digambarkan sebagai orang yang hanya melihat dan melintasi bahkan merompak hasil alam Afrika.

Bagi kita semua di negara ini, perumpamaan ini dapat kita gunakan untuk secara tulus dan jujur melihat keadaan bangsa kita sekarang ini.

**HARI MINGGU
BIASA KE-15**

**ULANGAN 30:10-14
KOLOSE 1:15-20
INJIL LUKAS 10:25-37**

Pertanyaan kita sebagai umat Kristian, “Siapakah sesamaku atau siapakah saudara dan saudariku?”

Apabila pertanyaan itu diajukan kepada Yesus, Dia pasti menjawab: “Sesamamu bukan hanya keluargamu sendiri, bukan hanya sesama umat Kristian, Katolik, Protestan, Islam, Buddha atau Hindu tetapi juga orang-orang yang kaya mahupun yang miskin.”

Inilah pengertian Kristiani yang benar tentang sesama dan tentang kasih universal. Namun demi keutuhan pelaksanaannya, kita masih harus menambahkan pengertian yang mutlak perlu ini.

Untuk mengetahui siapakah sesamaku, pertama sekali: ketahuilah dan sedarlah siapa kita?

Apakah kita dapat menjadi orang Samaria yang baik terhadap sesama seagama, agama lain, orang miskin dan tertindas? **Msgr FX. Hadisumarta O.Carm**

KUCHING: Dalam dunia yang semakin pantas, mencari keheningan adalah sebuah tindakan yang jarang diamalkan.

Baru-baru ini, 51 paderi dari Keuskupan Agung Kuching, Keuskupan Miri dan Sibu memilih untuk 'berundur' — meninggalkan paroki dan kesibukan mereka demi mencari sesuatu yang lebih mendalam: iaitu suara Tuhan dalam keheningan.

Dengan tema yang dipetik dari Roma 12:2, "Janganlah ikut cara dunia, sebaliknya berubahlah menurut pembaharuan fikiranmu", para paderi berhimpun di Kolej St Peter untuk Retret Tahunan para paderi selama lima hari.

Direktor retret, Friar Mathew Purayidathi O.F.M. Conv. memimpin retret itu dengan bijaksana, lemah lembut, mengajak para paderi ke dalam keheningan suci melalui Kitab Suci serta doa.

Retret itu mengingatkan para paderi tentang siapa mereka—bukan sebagai pentadbir atau penyelesaian masalah, tetapi sebagai anak-anak kesayangan Tuhan.

Salah satu sesi retret itu ialah mengenai hadiah imamat dan misteri selibat. Selibat bukannya menolak hidup berkeluarga tetapi pengesahan radikal—sahutan "ya" yang mendalam dan penuh kegembiraan kepada cinta.

Khususnya dalam Injil Matius 19 dan 1 Korintus 7, para paderi menyelami pelbagai makna imamat antaranya kenabian, misi, rohani dan karismatik.



Seorang paderi mengatakan, "Selibat bukan tentang apa yang kita korbakan—ia tentang kepada siapa kita menyerahkan diri kita." Ia bukan beban; ia adalah cinta membara yang memacu segala yang kita lakukan.

Retret itu mengesahkan semula bahawa selibat bukan "hidup yang kosong" tetapi "kepuhan dan persekutuan yang membara dengan Kristus dan umat-Nya."

Panggilan berkhotbah juga ditekankan dalam retret tersebut. Berkhotbah bukan

hanya dengan kata-kata.

Diinspirasi oleh kehidupan Sto Fransiskus dari Assisi—yang pernah berkata, "Berkhotbahlah tentang Injil pada setiap masa. Apabila perlu, gunakan kata-kata" — para paderi dicabar untuk menjadi "homili hidup".

Setiap Misa, setiap perbuatan baik, setiap pengakuan yang didengar atau katil sakit yang dilawati boleh menjadi khutbah yang lebih kuat daripada kata-kata.

Seorang paderi mengungkapkannya dengan indah: "Kita bukan sekadar penyampai Firman — kita dimaksudkan untuk menjadi Firman, ditulis dalam daging dan darah agar dibaca oleh orang lain."

Retret tahunan kali ini bukan sahaja memperbaharui individu — ia menghidupkan semula persaudaraan dalam kalangan paderi yang membawa mereka menyedari bahawa: Saya tidak bersendirian. **Today's Catholic**

Empat Saudara Kapusin lafaz kaul kekal



KENINGAU: Empat Saudara (*Brother*) dari Ordo Fransiskan Kapusin (OFMCap) telah melafazkan kaul kekal mereka dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong pada Jun 21 lalu di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon.

Ritus itu turut dihadiri oleh Msgr. Nicholas Stephen, Custos Fr Gilbert James OFM Cap, para paderi dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Sandakan dan Ordo Fransiskan Kapusin.

Para Saudara religius itu ialah Bro Tony Binkuan, Bro Randall Lee Ken Haw, Bro Marthin Bin Steven dan Bro Peter Bin Langgayang

Upacara ini dihadiri oleh lebih 500 orang umat dari pelbagai kawasan serta ahli kelu-

arga, para religius, para paderi dan jempu-tan dari Malaysia, Filipina dan Singapura.

Pengkhotbah dalam Misa Kudus, Fr Michael Raymond OFM Cap dalam homilinya menyatakan bahawa pelafazan Kaul Kekal merupakan komitmen sepenuh hati kepada Tuhan yang mengalir daripada rahmat Sakramen Pembaptisan.

Katanya, "Pelafazan ini mencerminkan panggilan hidup religius dalam kesetiaan kepada Injil melalui tiga kaul: ketaatan, kemiskinan dan kemurnian, meneladani hidup Santo Fransiskus dari Assisi."

"Kaul Kekal adalah penyerahan sepenuhnya kepada Tuhan — bukan untuk kemuliaan dunia, tetapi demi kesaksian hidup Kristiani yang radikal," ujar beliau.

Fr Michael turut mengingatkan para *Brothers* yang melafazkan kaul kekal agar sentiasa hidup dalam kerendahan hati dan berserah kepada rahmat Tuhan khususnya dalam menghadapi cabaran pelayanan masa depan.

Uskup Cornelius dalam ucapannya mengaitkan upacara penting hari tersebut betapa pentingnya peranan keluarga dalam menyemai benih iman dan panggilan:

"Nama pusat ziarah ini — Keluarga Kudus — bukan kebetulan. Ia dibangunkan sebagai tanda syukur atas sumbangan keluarga kepada Gereja. Daripada keluargalah lahirnya para pemimpin, pelayan dan religius," katanya.

Bapa Uskup turut merakamkan penghar-

gaan kepada para penganjur dan seluruh umat yang terlibat menjayakan perayaan ini.

Pengerusi Majlis Pastoral Paroki Katedral St Francis Xavier, Sdri Nancy Nelly Jones mengucapkan syukur kerana Keuskupan Keningau dipilih menjadi tempat pelafazan kaul kekal ini.

"Peristiwa hari ini pasti telah membangkitkan semangat baharu dalam kalangan belia untuk merenung, mempertimbangkan dan menyahut panggilan Tuhan untuk bekerja di ladang-Nya."

Custos Malaysia, Friar Gilbert James OFM Cap menyeru umat agar terus menyokong panggilan religius.

Katanya, "Saudara-saudara yang melafazkan kaul kekal pada hari ini telah memilih hidup membiara. Pilihan ini bukan mudah tetapi ia penuh sukacita dan adalah kesaksian tentang kasih Tuhan yang tak bersyarat yang hanya mungkin dialami apabila seseorang menyerahkan seluruh hidupnya kepada Kristus."

Salah seorang *Brother* yang melafazkan kaul kekal, mewakili rakan-rakannya dalam sesi ucapan mengatakan, "Kami di sini kerana doa-doa anda, kerana dorongan keluarga dan teladan umat yang setia. Mohon doakan agar kami tetap setia dalam pelayanan mulia ini, di mana pun kami diutus."

Selepas Misa Kudus, majlis diteruskan dengan jamuan di Dewan terbuka Pusat Ziarah Nulu Sosopon.

Kaamatan dan Gawai di SFX, Petaling Jaya

PETALING JAYA: Umat Paroki St Francis Xavier (SFX), telah meraikan Misa Khas dalam bahasa Melayu sempena Hari Raya Tritunggal Mahakudus sekali gus merayakan Pesta Gawai dan Kaamatan yang dianjurkan oleh bahasa *Apostolate* yang terdiri daripada pelajar kolej, belia yang sudah bekerja, juga yang berkeluarga dan yang baharu dibaptis.

Sebelum Misa, para umat gembira menyaksikan persembahan tarian gabungan etnik kebudayaan Sabah dan Sarawak. Liturgi Sabda Tuhan menggunakan tiga bahasa iaitu Iban, bahasa Melayu dan bahasa Dusun. Lagu-lagu liturgi juga berunsur irama dan muzik budaya Sabah dan Sarawak.

Semasa persembahan roti dan anggur, tiga hasil kerja telah dipersembahkan ke altar iaitu beras padi, buah-buahan dan sayur-sayuran serta hasil kraf tangan sebagai tanda



kesyukuran atas berkat rezeki yang diterima daripada Tuhan.

Kesemua persembahan tersebut telah membawa erti berikut:

Padi/Beras: Melambangkan rasa syukur kita kepada Tuhan atas segala berkat dan

rezeki yang dikurniakan-Nya setiap hari dalam hidup kita.

Buah-buahan dan sayur-sayuran: Melambangkan rasa syukur kita kepada Tuhan atas kesihatan, kesejahteraan, serta hasil bumi yang diberikan-Nya.

Kraf tangan: Melambangkan segala karunia dan bakat budaya yang telah dianugerahkan Tuhan kepada kita.

Selepas Misa, pesta Gawai dan Kaamatan dilangsungkan di Dewan Loyola Paroki. Perasmian gimik disemarakkan dengan sumpitan belon oleh Fr Alvin Ng SJ serta pukulan gong sebanyak tujuh kali oleh Fr Alberto Irenus SJ.

Dalam ucapan perasmian, Fr Alvin mengajak umat supaya menghargai segala yang dianugerahkan oleh Tuhan, termasuk warisan budaya dan komuniti seiman yang berbeza latar.

Seorang warga emas *Golden Senior* SFX yang menghadiri pesta ini begitu kagum dengan budaya dari Malaysia Timur yang sungguh menarik serta memuji acara itu sebagai platform perpaduan merentasi budaya serta negeri. **Theodora Aigner Anak Angie**

Sahabat kecil Yesus

Pada bahagian A, lengkapkan kotak dengan jawapan yang disediakan.

Pada bahagian B, cari makna simbol tersebut dan lengkapkan perumpamaan dalam Injil Lukas 10: 30-36

Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah:

A Seorang pemuda dari Yerusalem menuju ke Namun, dia disamun dan dipukul di tengah

Seorang melalui jalan itu tetapi dia melewatinya dari seberang jalan

Kemudian ... Seorang melintas tetapi hanya melihat orang itu dari seberang jalan ... Dia melihat orang itu dan berasa belas kasihan

imam Yeriko perjalanan Lewi Samaria

B Orang Samaria itu membalut luka-lukanya dan Kemudian menaikkan orang itu ke atas

Dia membawa orang cedera itu ke Keesokan harinya dia menyerahkan dua dinar kepada pemilik penginapan itu, katanya: Rawatlah dia dan jika kau belanjakan lebih dari ini,

Siapakah dari yang bertiga bersikap perikemanusiaan?

dan sesudah ia menyiraminya dengan minyak dan anggur

keldai tunggannya sendiri

tempat penginapan dan merawatnya.

aku akan menggantinya, waktu aku kembali




Anak-anak yang dikasihi, Dalam bacaan Injil hari ini, kita belajar bahawa perintah yang utama ialah mengasihi Tuhan dengan segenap hati dan jiwa kita serta mengasihi sesama kita seperti diri kita sendiri. Perkara penting yang harus kita lakukan dalam hidup kita adalah mencintai Tuhan. Jika kita benar-benar mencintai Tuhan, maka kita akan melakukan apa yang betul dan mencintai orang lain juga. Orang Samaria dalam pembacaan Injil hari Minggu ini mencintai Tuhan walaupun dia tidak menyembah-Nya dengan cara yang betul seperti yang dilakukan oleh orang Yahudi. Tetapi kerana dia mengasihi Tuhan, dia melakukan tindakan kasih dengan jujur dan ikhlas. Sudah pasti, tindakan

orang Samaria itu didorong oleh hatinya yang sangat mengasihi Tuhan. Jika kita tidak mencintai Tuhan, maka kita juga tidak akan dapat membuat keputusan yang baik tentang perkara-perkara lain. Dan, kita tidak akan dapat mengasihi orang lain dengan betul jika kita tidak mencintai Tuhan. Imam dan orang Lewi, seperti dalam perumpamaan itu mungkin lebih mementingkan diri mereka sendiri daripada Tuhan. Itulah sebabnya apabila mereka melihat rakan senegara mereka cedera dan terbaring di tepi jalan, mereka hanya lalu begitu sahaja. Anak-anak, anda boleh menjadi jiran yang baik kepada semua orang dengan menjadi sahabat baik Tuhan!

Salam Sayang
Auntie Melly

BELIA



Khemah Agape, dorong remaja bertindak dengan kasih

IPOH: Selepas tertangguh selama 10 tahun, Persatuan Katolik Institusi St Michael (SMI), menganjurkan Khemah AGAPE: *One Through His Love*.

Khemah itu dihadiri 70 orang peserta yang terdiri daripada remaja berumur 13 hingga 19 tahun dari agama Kristian dan bukan Kristian.

Dengan misi "orang muda menemui makna sebenar cinta melalui pandangan Tuhan", khemah ini berusaha memperkenalkan kembali teologi cinta seperti yang diterangkan dalam 1 Yohanes 4:8 — "Sesiapa yang tidak mengasihinya tidak mengenali Tuhan, kerana Tuhan adalah KASIH."

Pada hari pertama, Fr Stanley Antoni dari Gereja St Joseph, Bagan Serai dalam sesinya membimbing para remaja untuk mengatasi tekanan sosial, ketagihan, kekeliruan gender, kemurungan, gosip dan kebimbangan. Jawapan jujur ini mendedahkan melalui ajaran Kitab Suci.

Selepas itu, beliau memimpin Misa Kudus di kapel St Michael.

Para remaja kemudiannya mengembangkan bakat serta mempererat persahabatan melalui aktiviti "Pencarian Alkitab".

Selepas itu, ahli jawatankuasa mempersembahkan sebuah drama pendek bertajuk "Tangan Tak Terlihat". Ia menceritakan seorang budak skeptikal bersahabat dengan seorang gadis Katolik yang taat, akhirnya telah membawanya untuk menemukan iman dalam Tuhan.

Pementasan itu lucu tetapi bermakna, mengingatkan para remaja akan panggilan mereka untuk menjadi penjala manusia dan garam dunia.

Pada sebelah petang, aktiviti diteruskan dengan perbincangan dalam kumpulan tentang "Mengasihinya Orang-orang di sekeliling Anda".

Selepas itu, dalam sesi *Unconditionally: You Are Loved More Than You'll Ever Know by Someone Who Died to Know You*, sebuah sesi menyentuh hati, ramai peserta yang tersentuh hati dengan penyampaian sesi oleh Ashley Cesca Shammah.

Khemah Agape diakhiri dengan pujian dan penyembahan. Cenderahati penghargaan diberikan kepada pemenang permainan dan penceramah jemputan, diikuti dengan sesi bergambar dalam kumpulan.

Muzik mengindahkannya liturgi

SRI AMAN: Gereja *Our Lady Queen of Peace*, Sri Aman, menjadi ceria dengan kehadiran 70 peserta dari Gereja St Ignatius Saratok, Gereja *Holy Family* Betong, Gereja St Anthony Skrang, Gereja St Michael Lubok Antu dan Gereja *Mount Hosanna* baru-baru ini.

Para peserta yang kebanyakannya kaum muda, berkumpul untuk menyertai Bengkel Muzik Liturgi yang dikendalikan oleh Sdra Anthonius Timo'od dari Paroki Sto Stephen, Bau.

Bengkel ini turut diserikan dengan kehadiran Fr Henry Jimbey, yang memberikan sokongan padu kepada para peserta.

Sepanjang bengkel, peserta didedahkan kepada teknik nyanyian yang betul, penghayatan muzik liturgi, serta kepentingan menyampaikan lagu

pujian dengan penuh penghayatan.

Sdra Anthonius, yang berpengalaman luas dalam muzik liturgi menyampaikan banyak maklumat dan panduan kepada peserta pelbagai peringkat—daripada mereka yang baharu menyertai koir sehinggalah yang telah lama berkhidmat dalam pelayanan muzik Gereja.

"Saya sangat bersyukur kerana berpeluang menghadiri bengkel muzik hari ini. Banyak ilmu baharu yang diperolehi, dan lebih menggembirakan apabila dapat berinteraksi dengan rakan-rakan dari zon lain," ujar Sdra Lawrence, salah seorang peserta.

Program itu bukan sekadar meningkatkan kemahiran muzik, malah turut merapatkan hubungan antara komuniti dari pelbagai zon.



Mahasiswa Katolik 'keluar' laksana kegiatan bakti sosial

LANDAK, Kalimantan Barat: Mahasiswa dari Universiti Katolik Sto Augustinus Hippo menjalankan aktiviti perkhidmatan sosial dan perkhidmatan pendidikan di sebuah perkampungan iaitu Kampung Gombang di wilayah Landak pada Jun 12-14 lalu.

Aktiviti itu bertujuan untuk membantu meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan terpencil sambil memupuk kesedaran memelihara alam sekitar.

Seramai 60 pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti yang termasuk pengedaran bekalan sekolah, pengajaran Matematik dan bahasa Inggeris asas, serta pendidikan pembersihan.

Para mahasiswa juga menjalankan aktiviti sosial dalam bentuk pembersihan alam sekitar, peningkatan sanitasi sekolah, pendidikan kesihatan dan menanam 100 biji terung.

Ketua kumpulan mahasiswa tersebut, Fransiskus Hengki, menyatakan penghargaan kepada penderma dan mereka

yang telah menyokong aktiviti ini. Beliau berharap semangat kerjasama dalam menyokong pendidikan dan kelestarian alam sekitar dapat terus berkembang dalam kalangan generasi muda.

"Kegiatan ini kami rancang sebagai bentuk kepedulian kami terhadap pendidikan di wilayah pedalaman, khususnya di Wilayah Landak. Kami berharap, selain memberikan pengalaman kepada para pelajar kurang mampu, kegiatan ini juga dapat menjadi inspirasi bagi generasi muda akan pentingnya pendidikan hingga ke jinjang lebih tinggi, serta kepedulian terhadap alam sekitar," jelasnya.

Selama tiga hari, para mahasiswa 'keluar' dari zon selesa mereka untuk melakukan pelbagai kegiatan amal serta menyumbang seperti alat tulis, buku, beg sekolah dan pakaian sekolah untuk 12 orang pelajar miskin.

Guru Besar kepada salah sebuah sekolah yang menerima lawatan amal para mahasiswa tersebut, Sdri Gita Angela menyatakan penghargaan kepada keprihatinan mahasiswa Katolik terhadap dunia pendidikan di kawasan terpencil. pen@katolik



Berita singkat antarabangsa

Uskup Katolik dari Selatan Global menuntut henti kapitalisme hijau

BALEM, Brazil: Pemimpin Gereja Katolik dari Afrika, Asia, Amerika Latin, dan Caribbean telah mengeluarkan rayuan kolektif yang kuat untuk tindakan iklim segera menjelang sidang kemuncak COP30.

Para prelatus tersebut mengemukakan apa yang mereka sifatkan sebagai "penyelesaian palsu" sedangkan pemusnahan alam sekitar terus berlaku dan memperdalam ketidaksamaan global.

Dalam satu kenyataan sepanjang 31 muka surat, persidangan episkopal dari seluruh Global Selatan memberi amaran bahawa krisis iklim telah mencapai tahap "sangat serius", dengan tahun 2024 menandakan peningkatan suhu global sebanyak 1.55°C—melebihi ambang yang ditetapkan oleh Perjanjian Paris.

"Negara-negara di dunia tidak

bertindak dengan segera yang diperlukan," kata para uskup. "Gereja tidak akan berdiam diri. Kami akan terus bersuara bersama sains, masyarakat sivil, dan yang paling lemah, dengan kebenaran dan konsistensi, sehingga keadilan tercapai," kata para uskup tersebut.

Dokumen yang bertajuk *A Call for Climate Justice and the Common Home: Ecological Conversion, Transformation and Resistance to False Solutions*, berakar pada ajaran *Laudato Si'* dan *Laudate Deum* oleh Sri Paus Fransiskus serta seruan Sri Paus Leo XIV untuk ekologi integral dan keberanian kenabian.

Ia dikeluarkan menjelang COP30, yang dijadualkan berlangsung di Brazil pada bulan November ini. **LICAS News**

Jutaan kanak-kanak terpaksa berpindah, terbunuh akibat perang

NAIROBI, Kenya: Menjelang tahun 2025, dianggarkan 45 juta kanak-kanak memerlukan bantuan kemanusiaan di Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA), peningkatan sebanyak 41% dalam tempoh lima tahun yang lalu.

UNICEF telah berusaha untuk membantu kanak-kanak dan keluarga di rantau MENA selama 70 tahun yang lalu, namun ia memberi amaran bahawa operasi kini berisiko akibat kekurangan dana yang teruk.

Wilayah MENA kini mengalami pelbagai konflik yang berbeza, termasuk konflik Israel-Palestin, perang saudara Syria dan perang di Yaman.

Satu daripada dua kanak-kanak yang tinggal di rantau ini berada di negara-negara yang terjejas oleh konflik-konflik ini, menjadikan jumlah hampir 100 juta kanak-kanak berisiko terhadap keganasan.

Sejak tahun 2023, lebih 12 juta

kanak-kanak telah dipindahkan, memaksa mereka meninggalkan rumah mereka. Lebih daripada 40,000 telah cedera atau mengalami kecacatan kekal dan 20,000 telah terbunuh.

Edouard Beigbeder, Pengarah Wilayah UNICEF untuk MENA, menjelaskan bahawa "kehidupan seorang kanak-kanak terbalik setiap lima saat akibat konflik di rantau ini."

Beliau menekankan bahawa "menghentikan permusuhan demi anak-anak bukanlah pilihan—ia adalah keperluan mendasak, kewajipan moral, dan satu-satunya jalan untuk masa depan yang lebih baik."

UNICEF mendesak semua pihak yang terlibat dalam konflik serantau untuk menghentikan permusuhan, menghormati undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan kemanusiaan, supaya penderitaan kanak-kanak dapat berakhir. **Media Vatikan**

Uskup Katolik sokong hapus hukuman mati untuk lapan kesalahan

THANH HÓA, Vietnam: Seorang uskup Katolik terkemuka di Vietnam telah menyambut baik langkah kerajaan untuk menghapuskan hukuman mati bagi lapan kesalahan jenayah, menggambarkannya sebagai tanda kemajuan dalam kerangka undang-undang dan moral negara.

Dalam sepucuk surat pastoral yang dikeluarkan pada Jun 29, Uskup Joseph Nguyễn Đức Cường dari Thanh Hóa, yang mengetuai Komisi Keadilan dan Perdamaian Persidangan Uskup Katolik Vietnam, menyifatkan keputusan itu sebagai "dasar yang berperikemanusiaan dan progresif" dan mendesak reformasi lanjut ke arah penghapusan sepenuhnya hukuman mati.

Dewan Perhimpunan Nasional Vietnam meluluskan pindaan kepada Kanun Keseksaan pada Jun 25, semasa sesi kesembilannya, secara rasmi menghapuskan hukuman mati untuk lapan kesala-

han. Perubahan tersebut berkuat kuasa pada Julai 1, 2025.

"Keputusan ini menandakan langkah maju yang menggalakkan dalam kesedaran undang-undang, selaras dengan semangat konvensyen antarabangsa," tulis Uskup Cường.

"Ia mengesahkan kebaikan sebuah negara undang-undang moden di mana kehidupan dilindungi, maruah manusia dihormati, dan peluang untuk pemulihan dibuka."

Uskup itu juga berkata bahawa Gereja "secara konsisten menegakkan hak untuk hidup sebagai hak asasi manusia yang asas dan tidak boleh dicabuli," yang berakar umbi dalam kedua-dua kesedaran moral sejagat dan tradisi etika Kristian.

Katanya Katekismus Gereja Katolik juga menekankan: "Hukuman mati adalah tidak boleh diterima kerana ia adalah serangan terhadap kesucian dan maruah seseorang." **LICAS News**

Sri Paus Leo kutuk taktik perang guna kelaparan



ROMA: Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sedang mengadakan Sesi ke-44 Persidangan FAO di Roma dari Jun 28 hingga Julai 4.

Sri Paus Leo XIV telah menghantar pesan kepada para peserta, sempena memperingati ulang tahun ke-80 penubuhan FAO bagi memerangi ketidakjaminan makanan dan kekurangan zat makanan.

Dalam pesannya, Sri Paus berkata bahawa Gereja menyokong semua usaha untuk mengakhiri "skandal kelaparan global," mengingatkan tentang kepedulian Yesus untuk memberi makan kepada orang ramai yang datang untuk mendengarnya berkhubah.

"Kita sedar bahawa mukjizat sebenar dalam peristiwa Yesus memberi makan kepada orang ramai ialah semangat berkongsi bukan

menyembunyikan atau menyimpan makanan kerana tamak," katanya.

Bapa Suci Leo mengeluh kerana ramai orang masih menderita dan merindukan keperluan mereka dipenuhi, kerana kelaparan dan kekurangan zat makanan terus berlanjutan walaupun terdapat lebih pengeluaran di beberapa bahagian dunia.

"Kita kini menyaksikan, penggunaan kelaparan secara tidak berperikemanusiaan sebagai senjata perang. Kelaparan penduduk awam adalah cara yang sangat murah untuk berperang."

"Kebanyakan konflik kini diperangi oleh kumpulan awam bersenjata dan bukannya tentera tetap. Taktik seperti membakar tanaman dan menyekat bantuan kemanusiaan memberi kesan berat kepada orang awam yang tidak berdaya," ujar Sri Paus.

Apabila konflik meletus, petani tidak dapat menjual hasil pertanian mereka dan inflasi melambung tinggi, menyebabkan berjuta-juta orang menderita kelaparan dan ketidakjaminan makanan.

Sri Paus Leo XIV menyeru masyarakat antarabangsa untuk mengambil tindakan dan menetapkan sempadan yang jelas supaya pelaku diambil tindakan.

Sri Paus menekankan dialog dan saling memahami, supaya keamanan dan kestabilan membolehkan masyarakat membina sistem agrifood yang berdaya tahan.

Beliau menyeru agar ekosistem dilindungi melalui tindakan iklim yang terkoordinasi dalam semangat solidariti, kerana sumber dunia kita mesti digunakan supaya semua orang dijamin keselamatan makanan dan diet yang berkhasiat.

Media Vatikan



Adakah Tuhan segala-galanya untuk saya?

VATIKAN: Salah satu ajaran Sto Augustinus ialah mengutamakan Tuhan dalam kehidupan Kristian, menegaskan bahawa, "Tuhan adalah segala-galanya, segala-galanya bagi anda." Jika anda lapar, Tuhan adalah roti anda; jika anda dahaga, Tuhan adalah air anda; jika anda berada dalam kegelapan, Tuhan adalah cahaya anda yang tidak pernah pudar; jika anda telanjang, Tuhan adalah pakaian abadi anda.

"Sesungguhnya, kita harus bertanya kepada diri sendiri: sejauh manakah kata-kata ini benar bagi saya?"

"Sejauh manakah Tuhan memenuhi kehausan saya akan kehidupan, cinta atau cahaya?" demikian renungan Sri Paus Leo XIV ketika bertemu dengan beberapa kongregasi religius wanita.

Kongregasi-kongregasi tersebut: *Daughters of Divine Charity, Sisters of the Order of Saint Basil the Great, Augustinian Sisters of Amparo, dan Franciscan Sisters of the Sacred Hearts*, mengadakan audiensi

dengan Sri Paus Leo di Vatikan pada Jun 30.

Berakar dalam Kristus

Dalam ucapannya, Bapa Suci Leo menyatakan bahawa "akar umbi dalam Kristus inilah yang membawa mereka yang telah mendahului kita—lelaki dan wanita religius, dengan bakat dan keterbatasan seperti kita—untuk melakukan perkara-perkara yang mungkin mereka tidak pernah fikir mereka boleh capai."

Bapa Suci Leo kagum dengan usaha para religius wanita yang tidak lelah menabur benih kebaikan sepanjang abad dan merentasi benua malah hampir mencapai seluruh dunia.

Inspirasi daripada orang kudus

Para religius yang datang ke Vatikan itu untuk menghadiri Perhimpunan Agung dan mengadakan ziarah Jubli. Mereka juga mengunjungi makam Sto Petrus "untuk memperbaharui cinta mereka kepada Tuhan dan kesetiaan mereka

kepada Gereja."

Bapa Suci mengingatkan bahawa meskipun ketiga-tiga kongregasi itu ditubuhkan pada masa dan keadaan berbeza, namun ia mempunyai kaitan terhadap kehidupan rohani seperti Augustinus, Basil dan Francis, yang asketisme, keberanian, dan kesucian hidup mereka menginspirasi tiga orang pengasas kongregasi religius wanita itu untuk memupuk cara baharu dalam melayani orang lain.

Pelayanan, kerja-kerja amal dan kasih sayang anda dalam menghadapi cabaran masa lalu dan masa kini memberikan harapan dan iman indah kepada semua orang yang anda layani seperti yang dinyatakan oleh Santo Paulus dalam suratnya kepada orang Kristian di Efesus.

Akhirnya, sebelum memberikan Berkat Apostolik, Sri Paus Leo mengucapkan terima kasih kepada para religius yang hadir atas kerja dan kesetiaan mereka serta berdoa agar Bonda Maria untuk menyertai mereka. **Media Vatikan**



VATIKAN: Pada Hari Raya Santo Petrus dan Paulus, Sri Paus Leo XIV menyambut para penziarah yang berkumpul di Dataran St Petrus untuk doa Angelus dan merenungkan tentang kesatuan Kristian, pertaubatan, dan kesaksian kemartiran yang mengikat Gereja dalam persekutuan yang mendalam dan sering tersembunyi.

Sri Paus Leo memulakan bicarannya dengan mengingat kembali akar Gereja Roma, yang diasaskan atas kesaksian dan darah Rasul Petrus dan Paulus.

Prelatus itu menghormati warisan mereka yang kekal, mengaitkannya dengan pengorbanan berterusan umat Kristian di seluruh dunia yang menderita, dan bahkan mati, kerana iman mereka kepada Kristus.

“Kita boleh bercakap tentang ekumenisme darah,” kata Sri Paus, menggambarkan perpaduan yang dibentuk bukan hanya melalui persetujuan teologi, tetapi

Perpaduan dibentuk dalam pengampunan

melalui penderitaan bersama para penganut.

“Kesatuan yang tidak terlihat namun mendalam di antara Gereja-gereja Kristian yang belum sepenuhnya dan secara nyata bersatu, adalah inti dari misi episkopalnya.”

Tegasnya, “Gereja Roma berkomitmen oleh darah yang ditumpahkan oleh Santo Petrus dan Paulus untuk melayani dalam kasih persekutuan semua Gereja.”

Yesus adalah batu penjurus sebenar
Merenungkan Injil dan peranan asas Petrus, Sri Paus menyatakan bahawa Yesus sebagai batu yang sebenar: “Dia adalah batu yang ditolak oleh tukang-tukang binaan, yang dijadikan Tuhan sebagai batu penjurus.”

Beliau mengamati bagaimana keagungan Basilika Kepausan Petrus dan Paulus, yang kini menjadi pusat identiti Kristian, suatu ketika dahulu berada di pinggir masyarakat.

“Di Luar Tembok (ungkapan tradisional Roma) di mana saksi mereka bermula, peringatan bahawa kebesaran Injil sering bermula di tempat yang dianggap tidak penting oleh dunia.”

Sri Paus Leo memberi amaran bahawa mereka yang mengikuti Kristus berjalan di jalan yang sukar namun ia adalah jalan Kebahagiaan.

Beliau menyatakan bahawa kemiskinan jiwa, kelemahlembutan, dan kerinduan untuk keadilan sering kali menghadapi cabaran. Namun, adalah tepat di sepanjang jalan ini bahawa kemuliaan Tuhan

dinyatakan. “Kemuliaan Tuhan bersinar dalam sahabat-sahabat-Nya dan terus membentuk mereka sepanjang perjalanan, berpindah dari satu pertaubatan ke pertaubatan yang lain.”

Kekudusan lahir daripada pengampunan

Beliau menjelaskan bahawa kesucian tidak lahir daripada kesempurnaan, tetapi daripada pengampunan. “Perjanjian Baru tidak menyembunyikan kesilapan, konflik dan dosa mereka yang kita sanjungi sebagai Rasul terbesar,” kata Sri Paus seraya menambah bahawa “kehebatan mereka dibentuk oleh pengampunan.”

Sama seperti Kristus menghulurkan tangan kepada Petrus dan Paulus berulang kali, Dia terus memanggil setiap orang, bukan sekali, tetapi berulang kali. “Itulah sebabnya kita sentiasa boleh berharap. Jubli itu sendiri adalah peringatan tentang ini,” katanya.

Sebagai penutup, Sri Paus mengajak umat beriman untuk menjadi agen perpaduan, bermula dalam keluarga dan komuniti setempat. “Kesatuan dalam Gereja dan antara Gereja-gereja dipupuk oleh pengampunan dan kepercayaan bersama,” katanya, “Jika Yesus boleh mempercayai kita, kita pasti boleh mempercayai satu sama lain atas namanya.”

Akhirnya, dia berdoa kepada Perawan Maria dan Rasul Petrus serta Paulus, dengan seruan agar Gereja menjadi “rumah dan sekolah persekutuan” di dunia yang masih ditandai dengan luka dan perpecahan. **Media Vatikan**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Perbuatan-perbuatan Roh harus dicari

Kehidupan Katolik seharusnya menjadi sebuah perjalanan penuh petualangan dalam pertumbuhan seseorang menuju kekudusan, sebuah perjalanan yang dibantu oleh Roh Kudus. Sto Thomas Aquinas dalam bukunya yang monumental *Summa Theologica*, menekankan aspek penting dari pertumbuhan ini: buah “Roh Kudus”.

Buah-buah ini, seperti yang disebutkan oleh Sto Paulus dalam Galatia 5:22-23, ada sembilan iaitu: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan hati, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan dan pengendalian diri.

Teks Alkitab mengatakan buah Roh Kudus, bukan “buahnya”. Memang benar, bahasa Yunannya berbunyi *karpòs* yang dalam bentuk tunggal. Huruf paling belakang memang ada “s”, namun yang terakhir itu tidak menunjukkan bahawa kata itu adalah jamak.

Sto Agustinus pernah memberi ulasan mengenai masalah ini. Beliau menjelaskan bahawa rasul tidak mempunyai niat untuk mengajar berapa jumlah mereka. Para rasul menunjukkan bagaimana perbuatan-perbuatan daging harus dihindari dan perbuatan-perbuatan Roh harus dicari.

Aquinas mengajarkan bahawa “buahnya” bukan sekadar perbuatan baik. Orang kudus itu menekankan karakter kebajikan yang berkembang dalam diri kita, saat Roh Kudus bekerja di dalam hati.

Seperti melihat gambar pohon buah-buahan. Jelas sekali, buah itu sendiri bukanlah keseluruhan pohonnya sebaliknya adalah hasil pertumbuhan pohon itu.

Demikian pula, tindakan kita bukanlah buahnya, melainkan tanda lahiriah dari transformasi batin yang terjadi karena rahmat Tuhan.

Transformasi ini menghasilkan panen kebiasaan-kebiasaan baik yang memberikan kebahagiaan sejati bagi kita (dan orang-orang di sekitar kita).

Aquinas menjelaskan bahawa hal itu berasal dari kerja sama dengan Roh Kudus. Sama seperti tanaman memerlukan tanah yang subur dan sinar matahari untuk tumbuh subur, jiwa kita juga perlu terbuka terhadap pekerjaan Tuhan di dalam kita.

Doa, menghadiri Misa dan berpartisipasi dalam sakramen sangatlah penting. Ketika kita tetap berakar di dalam Kristus, Roh Kudus memberdayakan kita untuk mengembangkan buah-buah indah ini.

Pemahaman tentang buah-buah Roh Kudus ini merupakan peringatan yang indah bahawa kehidupan Kristiani bukan sekadar mengikuti peraturan, namun tentang menjadi lebih serupa dengan Kristus secara bebas.

Kita memupuk buah-buah ini melalui doa, sakramen, dan perbuatan baik, kita mengizinkan Roh Kudus mengubah kita menjadi orang-orang yang Tuhan inginkan.

Dan izinkan Roh Kudus untuk bekerja dalam diri kita agar kita berani berbuat kebaikan terhadap orang-orang yang berbeza, terhadap para migran dan berjuang menentang ketidakadilan. **Pen@Katolik**

Jus rohani untuk jiwa

Budaya hari ini memberi penekanan besar kepada pencarian kebahagiaan, yang biasanya diterjemahkan kepada mencari apa sahaja yang membuat anda bahagia, walaupun ia bermakna mengabaikan orang-orang di sekeliling anda.

Kita boleh dengan mudah terjebak dalam pemikiran budaya ini, berfikir bahawa dunia berputar di sekitar kita dan bahawa segala-galanya di bumi ini dibuat untuk kesenangan diri kita sendiri.

Malangnya, ini mendorong kita untuk melihat orang lain sebagai objek dan mengabaikan mereka yang paling memerlukan dalam keluarga kita, atau dalam komuniti tempatan kita.

Apa yang kita perlukan adalah sesuatu yang akan menggerakkan kita keluar dari keegoisan kita dan memaksa kita untuk melihat orang lain.

Komuni Suci

Ekaristi merupakan penawar kepada kehidupan yang mementingkan diri sendiri. Ini mungkin kelihatan aneh bagi kita, tetapi menerima Yesus dalam Ekaristi adalah cara utama kita boleh mula mempunyai hati untuk orang lain.

Mendiang Sri Paus Benediktus XVI merenungkan topik ini semasa menyampaikan homili untuk *Corpus Christi* pada tahun 2011:

Pada hakikatnya kerana Kristuslah yang, dalam persekutuan Ekaristi, mengubah kita, keperibadian kita. Dalam pertemuan Ekaristi, kita dibebaskan dari egosentrisme dan masuk ke dalam Peribadi Yesus yang terbenam dalam persekutuan Tritunggal.



Oleh itu, walaupun ia menyatukan kita dengan Kristus, ia juga membuka kita kepada orang lain, menjadikan kita anggota satu sama lain: kita tidak lagi terpisah tetapi satu dalam dia.

Persekutuan Ekaristi bukan sahaja menyatukan kita dengan orang yang berada di sebelah saya dan dengan siapa saya mungkin tidak berbaik-baik, tetapi juga dengan saudara-saudari kita yang jauh di setiap pelusuk dunia.

Bapa Suci Benediktus menerangkan mengapa kita menggunakan perkataan “komuni” dalam merujuk kepada penerimaan Ekaristi:

Perkataan “komuni”, yang juga kita gunakan untuk merujuk kepada Ekaristi, dalam dirinya sendiri merangkum dimensi menegak dan mendatar daripada anugerah Kristus.

Transformasi kerana adanya persekutuan yang lebih kukuh daripada perpeca-

han, iaitu persekutuan Tuhan sendiri.

Apabila kita dibawa lebih dekat kepada Yesus dalam Ekaristi, kita juga dibawa lebih dekat kepada orang lain. Inilah sebabnya ia dipanggil, “Komuni Suci.”

Walaupun semua ini benar, aspek utama ajaran ini adalah keterbukaan kita kepada rahmat ilahi.

Mungkin kita menerima Ekaristi setiap hari Minggu (atau bahkan setiap hari) tetapi menutup diri daripada rahmat kehidupan yang diberikan oleh Tuhan.

Kita perlu terbuka dan menerima cinta Tuhan, supaya kita dapat dipenuhi dengan cinta itu dan berkongsi cinta itu dengan orang lain. Kita tidak boleh memberi apa yang tidak kita miliki.

Jika anda mendapati diri anda bergelut melawan kecenderungan mementingkan diri sendiri, terimalah Ekaristi dengan hati yang terbuka dan biarkan Tuhan mengubah jiwa anda. **Aletheia**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau
WhatsApp: 011-26391498



Mesyuarat ECMI kali ke-18 di Keuskupan Agung KK

KOTA KINABALU: Mesyuarat tahunan Komisi Episkopal untuk Pelayanan Pastoral bagi Pemandang dan Orang yang Berpindah Randah (ECMI) kali ke-18 telah diadakan di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Seramai 21 delegasi dari sembilan keuskupan agung/keuskupan dan sebuah vikariat, iaitu Keuskupan Melaka-Johor, Keuskupan Agung Kuala Lumpur, Keuskupan Pulau Pinang, Keuskupan Agung Kuching, Keuskupan Sibiu, Keuskupan Miri, Vikariat Brunei, Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Keningau dan Keuskupan Sandakan, telah menghadiri mesyuarat itu.

Keuskupan Agung Singapura tidak hadir pada mesyuarat tahun ini kerana pertukaran kakitangan dalam komisi untuk migran.

Para delegasi telah disambut secara rasmi oleh Uskup Agung John Wong semasa Misa pembukaan pada Jun 10.

Dalam homilinya, prelatus menyebut bahawa setiap orang yang dibaptis diseru untuk

melaksanakan misi.

Dalam panggilan itu terdapat panggilan khusus untuk misi tertentu. Semua perwakilan dipanggil untuk misi khusus itu bagi melayani para migran di keuskupan masing-masing.

Mesyuarat pada hari kedua dipenuhi dengan pembentukan laporan daripada empat kluster, iaitu kluster Sabah, kluster Sarawak, kluster Semenanjung dan Brunei.

Secara umum, kandungan laporan ialah mengenai maklumat pelbagai program yang dimulakan oleh pelbagai keuskupan, jaringan dengan pelbagai kumpulan dalam dan luar Gereja, mendekati komuniti migran, pelayanan sakramen kepada komuniti migran dan menguruskan pengebumian mereka.

Satu topik yang menarik minat para perwakilan adalah mengenai hal-hal kewangan, sama ada mengenai aktiviti pengumpulan dana atau isu-isu perbelanjaan yang berhemah.

Kemudian semasa sesi retret, para delegasi terpaksa dengan penerangan Fr Dr Charles Chiew tentang 'luka-luka dalaman dalam pelayanan'.

Sesi selama dua jam, Fr Dr Charles, seorang ahli psikologi klinikal bertauliah dari Keuskupan Keningau, menerangkan beberapa faktor yang boleh menjadi punca 'luka dalaman' yang mempengaruhi personaliti dan kebolehan seseorang dalam pelayanannya.

Sesi itu menyentuh pelbagai insiden dalam kehidupan semasa membesar yang mendorong para delegasi merenung kembali latar belakang dan personaliti mereka sendiri, yang mempengaruhi pelayanan mereka.

"Sesetengah daripada kita dalam pelayanan Gereja, berasa tidak tenang sehingga berpindah dari satu pelayanan ke pelayanan lain, mencari penyembuhan atau kepuasan rohani bahkan ada memohon pengusiran kerana menyangka bahawa telah terkena sihir.

"Namun," kata Fr Dr Charles, "Ini bukan disebabkan oleh syaitan tetapi oleh luka dalaman yang berlaku semasa kita membesar, dan seiring berjalannya waktu, luka itu tertanam dan tersembunyi dalam diri kita."

"Semasa kita membesar, luka ini akan timbul semula sebagai sesuatu yang lain apabila dicituskan oleh situasi semasa yang berkaitan dengan luka tersebut," jelas Fr Charles.

Dia menekankan bahawa, kecuali luka itu dirawat secara sistematik dan rohani, ia boleh menjadi halangan untuk kematangan rohani.

Presiden ECMI, Uskup Bernard Paul dari Melaka Johor semasa akhir mesyuarat, mengucapkan terima kasih kepada semua delegasi dan pasukan keuskupan mereka atas semua inisiatif yang telah dilaksanakan.

Prelatus itu menggalakkan semua delegasi untuk berpegang kepada harapan kita dalam menghadapi banyak cabaran dalam pelayanan.



Ulang tahun ke-125 Gereja St Aloysius, Mantin: Merayakan iman, perpaduan yang kukuh

MANTIN: Loceng Gereja St Aloysius berbunyi lebih lantang dari biasa minggu lalu yang meraikan 125 tahun iman, perpaduan, dan khidmat yang tidak pernah goyah.

Didirikan oleh Fr Anton Catesson (MEP) pada tahun 1899, paroki ini telah berkembang menjadi rumah rohani yang bertahan dengan cabaran perubahan masa.

Bertemakan "Pengembara Harapan: Menghormati Keluarga, Ekologi, Gereja dan Masyarakat," ia dirayakan selama lima hari, menghimpunkan generasi umat Katolik dalam doa, renungan, perayaan dan tindakan.

Bermula Jun 2, ia dimulakan dengan novena, Misa dan pengurapan orang sakit oleh paderi paroki, Fr Chris W. S.

Pada Jun 19, beberapa orang paderi merayakan perayaan Ekaristi dalam dwibahasa.

Dalam homilinya, Fr Sin Wee OCD menyatakan, "Kita berhimpun sebagai satu keluarga dalam iman, disatukan oleh kasih Kristus dan komuniti yang dibina-Nya di sini. Kita dipanggil untuk berjalan bersama dalam Kristus; sebagai saudara dan saudari."

Pada Jun 20, fokus sambutan tertumpu ekologi. Fr Jonathan Andrew Rao menyampaikan mesej yang membangkitkan semangat:

"Ciptaan bukan sekadar latar kehidupan kita; ia adalah anugerah ilahi. Sebagai umat Katolik, menjaga bumi bukan pilihan. Ia adalah misi kita."

Kemuncak perayaan pada Jun 21, umat

merayakan Misa bersama ramai paderi. Antaranya, Fr Clarence Devadass, Fr Albet Arokiasamy, Fr Xavier Andrew, Fr Nicholas Hoh OCD dan Fr Edwin Peter.

Ia dimulakan dengan perarakan julung kalinya, patung St Aloysius dan Sakramen Maha Kudus di kawasan gereja.

Dalam homilinya, Fr Clarence Devadass mengingatkan bahawa Ekaristi tidak berakhir di altar: "Kita harus menjadi monstans hidup; pembawa cahaya, kasih dan rahmat Kristus ke dunia."

Hari terakhir perayaan ulang tahun ke-125 St Aloysius Mantin, diraikan dengan Misa bersama Fr Gnana Selvam dan detik bersejarah menandatangani deklarasi Paroki Ekologi.

Dua buah Gereja iaitu St Aloysius Mantin dan St Theresa bersama-sama menandatangani deklarasi untuk menjadi Paroki Ekologi bagi menyahut seruan *Laudato Si'* oleh mendiang Sri Paus Fransiskus.

"Hari ini, kita memuliakan Pencipta bukan hanya dengan dupa dan nyanyian, tetapi dengan tindakan. Kami berikrar untuk melindungi apa yang telah Tuhan percayakan kepada kita – rumah kita bersama," kata seorang jurucakap paroki.

Perayaan ulang tahun itu ditutup dengan Misa *Corpus Christi* yang dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow dan Uskup Agung Emeritus Murphy Pakiam.

Perayaan ke-125 St Aloysius Mantin adalah penanda warisan, mercu identiti, dan langkah berani ke masa depan yang dibentuk oleh iman, keluarga dan tanggungjawab.

Gereja St Peter, Padungan lambang keharmonian antara agama

KUCHING: Gereja St Peter dengan gaya Gothic yang baharu dibuka di Padungan adalah bukti keharmonian dan perpaduan agama Sarawak, kata Tan Sri Abang Johari Openg, Premier Sarawak.

Lokasi Gereja tersebut yang terletak di pusat bandar, berhampiran dengan rumah ibadat agama lain, adalah cerminan semangat saling menghormati dan hidup bersama secara aman di kawasan tersebut.

Ucapan Premier Sarawak itu dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Amar Douglas Uggah.

Uskup Agung Katolik Kuching, Dr Simon Poh menggambarkan Gereja St Peter sebagai lebih daripada sekadar bangunan, tetapi sebagai mercu tanda keharmonian, persahabatan dan niat baik.

Prelatus itu juga menghargai kehadiran tetamu dari pelbagai agama dalam majlis pembukaan tersebut, yang menyumbang kepada keamanan dan keharmonian.


"Jadi Gereja ini menjadi tanda keinginan kita untuk keharmonian, menyumbang kepada masyarakat dan membina Sarawak yang lebih baik sebagai model untuk negeri-negeri lain di Malaysia dan duni."

"Kuching adalah sebuah bandar perpaduan dan Sarawak adalah tanah perpaduan." Ini menyentuh hati ramai orang yang datang dari pelbagai lapisan masyarakat, memberikan sokongan mereka untuk projek pembinaan Gereja itu katanya kepada wartawan.

Gereja RM38 juta itu mula dibina pada akhir 2019 dan siap pada bulan Disember tahun lalu. Ia dibiayai oleh sumbangan awam dan menerima RM3 juta daripada Unit untuk Agama Lain (Unifor) negeri selama tiga tahun, termasuk RM1 juta yang diserahkan semasa majlis perasmian.

Rektor St Peter, Fr Vincent Chin, menjelaskan bahawa bangunan itu diilhamkan oleh gaya neo-Gothic klasik dari Katedral St Joseph yang lama.

Dengan kapasiti tempat duduk untuk



1,000 orang, ciri-ciri Gothic Gereja itu termasuk menara tajam, lengkungan dan tingkap kaca berwarna.

Fr Chin menyatakan bahawa kaca berwarna itu dibuat sepenuhnya di lokasi oleh tukang-tukang Itali dan menggabungkan reka bentuk Dayak tempatan.

Paderi itu juga menyebut bahawa jubin-jubin tersebut dihasilkan oleh sebuah kilang tempatan, manakala pintu utama dan salib dibuat oleh seorang pakar kayu tempatan dan peralatan oleh artisan tempatan.

"Ini benar-benar sebuah gereja yang dibina di Sarawak dan kita patut berbangga dengannya," katanya. **Sumber Media-media tempatan**